

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.1 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Sejarah menggambarkan ketinggian intelektual masyarakat Melayu telah wujud sejak sekian lama dengan adanya koleksi ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh dari budaya kehidupan, kemudiannya diperturunkan melalui generasi ke generasi berikutnya, yang mana telah dibukukan melalui penulisan manuskrip. Istilah manuskrip berasal dari bahasa Latin, *manuscriptus* yang merujuk kepada manuskrip bertulisan tangan yang ditulis pada apa jua bentuk permukaan. Ia terbentuk dari dua kata yang berbeza, *manu* yang bererti tangan dan *scriptus*<sup>1</sup>, satu perkataan yang tercipta daripada perkataan asal *scribere* yang bermaksud menulis. Dalam kalangan masyarakat Melayu - Indonesia pula, perkataan naskhah digunakan secara meluas sebelum penggunaan perkataan manuskrip.<sup>2</sup>

Selain itu, menurut petikan akhbar pada 7 Disember 2012, manuskrip ditakrifkan sebagai naskhah penulisan yang bertulisan Jawi dan bertulis tangan.<sup>3</sup> Definisi khusus bagi “Manuskrip Melayu” yang telah dipersetujui ketika pertemuan mengenai manuskrip Melayu yang telah diadakan pada 10 Oktober 1983, bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka adalah “*mana-mana tulisan Jawi atau Rumi yang berbahasa*

---

<sup>1</sup> Mohd Anuar Mamat. 2017. “Manuskrip Melayu Dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal Di Perpustakaan Negara Malaysia”. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. Universiti Sultan Zainal Abidin: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Vol. 15. No. 1. September. h. 68.

<sup>2</sup> Wan Ali Hj. Wan Mamat. 1988. *Pemuliharaan Buku Dan Manuskrip*. Selangor: Ampang Press Sdn.Bhd. h. 2-3.

<sup>3</sup> Ros Mahwati Ahmad Zakaria. 2012. “Kenali Manuskrip Melayu”. *Utusan Online*. 7 Disember. diakses: 18 Mac 2022.

*Melayu, ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, atau kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terhad.*<sup>4</sup>

Menurut konteks perbahasan semasa, istilah manuskrip mempunyai makna yang lebih meluas dan tidak terhad hanya kepada apa-apa bahan yang bertulis tangan malahan juga termasuk dalam bentuk salinan karbon tulisan bertaip (*typescript*) dan lain-lain. Bahan yang digunakan tidak terhad selagi ada tulisan di atasnya.<sup>5</sup> Merujuk kepada ulasan-ulasan di atas mengenai manuskrip, penulis mendapati bahawa di antara pelbagai istilah yang digunakan untuk memperkenalkan dan menggambarkan maksud manuskrip secara tidak langsung ia dapat didefinisikan sebagai manuskrip yang ditulis sendiri menggunakan tangan di dalam tulisan jawi.

Menurut dapatan kajian sejarawan Dr Harun Mat Piah, pada masa ini terdapat kira-kira 22,000 manuskrip Melayu di seluruh dunia. Hal ini terjadi berikutan usaha berterusan yang dijalankan oleh para penjajah barat pada abad ke-19M ketika itu dalam mengumpulkan siri koleksi manuskrip Melayu dan dibawa pulang ke negara mereka untuk dikaji aspek ilmu, sosio-budaya dan pemikiran bangsa Melayu. Di Malaysia khususnya, kira-kira 10,000 naskah telah disimpan sebahagiannya di Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Kesenian Islam, Koleksi Universiti Malaya dan Koleksi Universiti Kebangsaan Malaysia sementara kebanyakan manuskrip yang berada dalam simpanan peribadi individu tidak disimpan dengan baik dan akhirnya pupus.<sup>6</sup> Penemuan-penemuan manuskrip ini membuktikan bahawa bangsa

---

<sup>4</sup> Wan Ali Hj. Wan Mamat. Op.cit. h.7.

<sup>5</sup> Ibid. h. 3.

<sup>6</sup> Fouziah Amir. 2015. "Tokoh Pengkaji Manuskrip Negara". *Sinar Online*. 16 Disember. diakses: 2 Februari 2022.

Melayu telah mula menulis dan mencatat serta mempunyai daya pemikiran intelektual yang hebat dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu.<sup>7</sup>

Manuskrip perubatan Melayu atau juga dikenali sebagai Kitab Tib merupakan sebahagian daripada himpunan karya tradisi yang membicarakan mengenai ilmu perubatan dan kaedah penjagaan kesihatan daripada perspektif masyarakat Melayu tradisi. Perbincangan ilmu yang dikongsikan di dalam genre perubatan tradisi ini membabitkan hal ehwal rawatan terhadap pelbagai jenis penyakit yang wujud dalam kalangan masyarakat pada ketika itu.

Antara kawalan terhadap jenis-jenis penyakit yang dikompilasikan di dalam pelbagai kitab Tib yang dinukilkan oleh penulis kitab yang berbeza ialah penyakit demam, penyakit kanak-kanak dan budak, penyakit gila dan sembu, penyakit perempuan, beranak dan selusuh, penyakit ubat sopak, penyakit sawan, penyakit panau, penyakit mata, telinga dan lain-lain. Usaha ini dilihat sebagai salah satu daripada reaksi yang dilakukan oleh penduduk tempatan disebabkan situasi kesihatan setempat yang semakin meruncing terutamanya sewaktu pentadbiran British di negeri-negeri Melayu yang bermula secara rasmi pada tahun 1874.<sup>8</sup> Kegiatan ekonomi yang berlaku di negeri-negeri Tanah Melayu dengan eksploitasi sumber alam dan bumi melalui penglibatan ramai imigran asing daripada India dan China dilihat telah merubah kondisi sosial

---

<sup>7</sup> Wan Mohd Dasuki Wan Hasballah, Siti Radziah Mustafa. 2014. "Manuskrip Ilmu Bedil Sebagai Sumber Etnosejarah Teknologi Senjata Api Melayu". *Kemanusiaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM. Vol. 21. No. 1. h. 54.

<sup>8</sup> Noraini Mohamed Hassan. 2004. *Penyakit Tropika Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan Kepada Penyakit Beri-Beri, Malaria Dan Penyakit Usus*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya. h. 41.

masyarakat terutamanya melibatkan aspek penyediaan kemudahan kediaman, bekalan air, hospital dan penyeliaan perubatan kawalan kesihatan.<sup>9</sup>

Antara masalah utama melibatkan isu kesihatan adalah penularan serius penyakit-penyakit tropika di kalangan penduduk.<sup>10</sup> Meskipun pihak British, sepanjang tempoh abad ke-18 hingga ke-19 Masihi dilihat telah menyediakan satu garis panduan yang mesti dipatuhi oleh pihak yang terlibat dalam proses merekrut buruh meliputi aspek kemudahan kediaman yang baik dan sempurna, bekalan air, kemudahan kebersihan diri, makanan, kemudahan hospital dan ubatan, ianya<sup>11</sup> masih belum menjamin penjagaan kebajikan buruh berada pada tahap yang sempurna. Laporan-laporan pemeriksaan dan lawatan ke estet dan lombong oleh pegawai-pegawai perubatan dan pihak berkuasa buruh mendedahkan kepincangan yang tidak seharusnya berlaku.<sup>12</sup>

Kekurangan tenaga perubatan di samping keadaan hospital yang sesak dan serba daif mengakibatkan timbulnya masalah besar untuk menangani penyakit yang dihadapi oleh penduduk. Dalam tempoh 1874 hingga 1914, Tanah Melayu menyaksikan penularan hebat beberapa jenis penyakit di kalangan penduduk. Tiga penyakit utama iaitu demam malaria, beri-beri dan penyakit usus khasnya disenteri telah dikenalpasti mengakibatkan kadar kematian dan kadar kemasukan ke hospital yang tinggi dalam tempoh waktu ini.<sup>13</sup> Kadar kematian dan kemasukan pesakit dengan jumlah yang tinggi ke hospital kerajaan melibatkan penyakit demam misalnya menunjukkan terdapat isu

---

<sup>9</sup> Noraini Mohamed Hassan. 2004. Penyakit Tropika Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan Kepada Penyakit Beri-Beri, Malaria Dan Penyakit Usus. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya. h. 41 & 42.

<sup>10</sup> Fatan Hamamah Haji Yahaya. 2005. "Kemunculan Penyakit Berjangkit dan Kesannya Terhadap Manusia di Malaysia". h. 154.

<sup>11</sup> Noraini Mohamed Hassan. Op.cit. h. 90.

<sup>12</sup> Ibid. h. 13.


<sup>13</sup> Ibid. h. 32.



yang besar yang perlu ditangani bukan hanya melibatkan institusi dan pegawai kesihatan<sup>14</sup> tetapi uniknyanya dapat kita lihat keterlibatan masyarakat setempat berkenaan hal ini.

Ini terbukti melalui catitan mengenai pelbagai jenis penyakit demam yang direkodkan di dalam kitab perubatan Melayu/MSS 2502 yang berbeza dengan datanya terlampir sebagaimana berikut:

**RAJAH 1:** Kekerapan Catatan Sub-Penyakit Manuskrip MSS 2502



Sumber: Manuskrip MSS 2502

Rajah 1 di atas menunjukkan jenis-jenis penyakit dan bilangan catatan penyakit yang telah dicatatkan di dalam manuskrip MSS 2502. Rawatan penyakit berkaitan penyakit demam merupakan yang kedua terbanyak dicatatkan iaitu sebanyak 52 kali catatan. Hal ini telah menarik minat penulis untuk menjalankan kajian lebih lanjut bagi meneliti hal

<sup>14</sup> British turut menubuhkan Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur pada tahun 1900. Negeri-negeri Melayu Bersekutu dipilih memandangkan berlakunya penularan serius dua jenis penyakit tropika pada ketika itu iaitu beri-beri dan malaria. Sementelahan itu, ia diharap dapat menyaingi pusat penyelidikan perubatan kuasa colonial yang lain di Timur Jauh. (lihat Noraini Mohamed Hassan. 2004. Penyakit Tropika Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan Kepada Penyakit Beri-Beri, Malaria Dan Penyakit Usus. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya. h. 40)

ehwal penyakit demam, simptom-simptomnya dan pendekatan rawatan tradisi yang ditawarkan oleh pakar perubatan tradisional di dalam merawat penyakit ini bagi membantu merencatkan dan merawat gejala demam.

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian yang diutarakan, maka beberapa persoalan kajian dirumuskan, iaitu:

- i. Apakah ilmu perubatan tradisional yang terdapat di dalam manuskrip perubatan Melayu MSS 2502 dari aspek sejarah, deskripsi teks dan literasi teksnya?
- ii. Apakah klasifikasi penyakit demam yang dicatatkan di dalam manuskrip MSS 2502?
- iii. Apakah jenis herba yang disenaraikan serta diaplikasikan oleh masyarakat Melayu terdahulu bagi rawatan penyakit demam berdasarkan manuskrip MSS 2502?
- iv. Bagaimanakah kaedah rawatan dan preskripsi yang di utarakan oleh manuskrip MSS 2502 dalam merawat penyakit demam?

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif utama yang akan cuba dicapai. Sebagaimana rumusan kepada permasalahan kajian yang telah dijelaskan di atas, terdapat tiga objektif utama yang ingin dicapai di dalam kajian ini, iaitu:

- i. Mentransliterasikan teks kitab perubatan MSS 2502 serta latar struktur karya dari aspek sejarah, deskripsi teks dan literasi teksnya.

- ii. Mengkategorikan jenis-jenis penyakit demam yang dicatatkan di dalam MSS 2502.
- iii. Menganalisis dan merumuskan kaedah rawatan penyakit demam berdasarkan MSS 2502.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**


Kajian ini penting sebagai salah satu usaha membantu menambahkan lagi sumber dan bahan rujukan yang menyentuh isu-isu berkaitan dengan penyelidikan manuskrip dan rawatan penyakit demam secara khususnya dan perubatan secara amnya. Perbincangan ini juga merupakan maklum balas yang berfaedah bagi mengetengahkan kepentingan perubatan tradisional sebagai salah satu perubatan alternatif dalam memajukan aspek ekonomi. Hal ini kerana, fokus kajian adalah memberi keutamaan kepada kaedah rawatan serta ramuan-ramuan yang digunakan dalam merawat penyakit demam.

Penulis mengharapkan agar kajian ini dapat membantu para pembaca dari beberapa aspek seperti dapat menambahkan bahan bacaan literatur di dalam bidang kajian manuskrip Melayu, di samping dapat menambahkan data-data berkenaan penyakit demam yang boleh dirawat dengan menggunakan bahan berasaskan herba dan ramuan-ramuan lain sebagaimana yang dicatatkan di dalam manuskrip dan menjadi salah satu rawatan sampingan selain dari rawatan moden.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Pertama, skop kajian ini hanya menghadkan kepada manuskrip MSS 2502 sebagai mewakili kajian bagi meneliti penyakit demam, jenis-jenis demam dan kaedah rawatan yang digunakan. Manuskrip ini juga dipilih adalah berdasarkan kepada teksnya yang lengkap beserta dengan tulisan yang kemas dan rapi bagi memudahkan proses kajian ini dijalankan, selain mempunyai data berkenaan penyakit demam. Penyakit demam dan sub-jenisnya merupakan yang kedua terbanyak catatannya iaitu 52 catatan selepas penyakit berkenaan tangkal dan azimat untuk kanak-kanak. Ini dapat dilihat berdasarkan rajah di bawah;

**RAJAH 2:** Catatan Sub-Penyakit Manuskrip MSS 2502



Sumber: Manuskrip MSS 2502

Diskusi mengenai penyakit demam menjadi perbincangan utama kerana manuskrip ini adalah salah satu daripada manuskrip yang menfokuskan berkenaan penyakit demam dan terdapat susunan data ilmu yang agak komprehensif membicarakan preskripsi dalam merawat pelbagai jenis demam yang muncul dalam kalangan masyarakat pada waktu itu yang melibatkan demam sebagai salah satu dari simptom utama. Masyarakat



dahulu tidak mengetahui bahawa sesuatu penyakit itu berjangkit atau tidak kerana pada ketika itu tidak ada istilah penyakit berjangkit bagi mereka. Oleh sebab itu, penulis memilih penyakit demam bagi kajian penulis di samping penyakit demam ini merupakan yang kerap dihidapi oleh setiap peringkat umur dalam masyarakat.

Penelitian kajian ini bakal mengkhususkan perbincangan mengenai penyakit demam dan menentengahkan kaedah dan pandangan perubatan tradisi berdasarkan penulisan manuskrip. Kaedah ini mungkin boleh dilihat sebagai salah satu kaedah alternatif di dalam merencatkan peningkatan suhu badan, sekaligus boleh membantu bertindak melawan sebarang jangkitan dan penyakit-penyakit yang lain.

## 1.6 KAJIAN LITERATUR

Penulis membahagikan kajian literatur ini kepada empat tema utama, iaitu tema penulisan manuskrip perubatan di Alam Melayu, tumbuhan ubatan dan herba tradisional Melayu, herba dan tumbuhan yang disebut di dalam manuskrip, dan penggunaan herba dalam merawat demam denggi dan demam kepialu. Pembahagian tema ini adalah bagi memudahkan penyelidikan dan penulisan yang lebih sistematik dan tersusun dengan menfokuskan kepada tajuk yang bakal dikaji.

### *Tema Pertama: Ilmu Perubatan Melayu Berdasarkan Manuskrip*

#### 1. Penyakit Demam Dalam Perspektif Hadith Dan Manuskrip Pengubatan Melayu

(Kitab Bermacam- Macam Khasiat): Satu Analisis<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Nurulwahidah Fauzi, Khadher Ahmad et al. 2019. Penyakit Demam Dalam Perspektif Hadith Dan Manuskrip Pengubatan Melayu (Kitab Bermacam-Macam Khasiat): Satu Analisis. Al-Bayān – Journal of Qur'ān and Ḥadīth Studies 17. h. 87-124.

Dr. Nurulwahidah Fauzi, Prof. Madya Dr. Khadher Ahmad dan Wan Noor Azila Binti Wan Kamaruzaman dalam artikel mereka yang berjudul *Penyakit Demam Dalam Perspektif Hadith Dan Manuskrip Pengobatan Melayu (Kitab Bermacam-Macam Khasiat): Satu Analisis*. telah membahaskan berkenaan demam berdasarkan hadith dan manuskrip terpilih dengan mendalam. Antaranya ialah pecahan demam berdasarkan pandangan saintifik iaitu demam berkepanjangan, demam terus-menerus dan demam sekejap-sekejap. Selain itu, turut dibahaskan tentang demam, ciri-ciri dan rawatannya berdasarkan hadith Nabi S.A.W. dalam menentukan aspek penggunaan bahan rawatan yang disarankan dalam hadith iaitu penggunaan air sungai yang mengalir, air yang sejuk (dingin), dan penggunaan air zam-zam. Berdasarkan manuskrip pula turut dibahaskan dari sudut jenis materia medika yang digunakan dan bagaimana kaedah rawatan yang disebutkan dalam manuskrip tersebut sebagai mewakili rawatan yang pernah dilakukan dalam masyarakat Melayu. Antara contoh demam dan simptom-simptomnya yang dibincangkan di dalam artikel ini adalah seperti demam panas, demam lenguh lumpuh dan demam lumpuh. Penulis memperoleh maklumat yang amat bermanfaat mengenai kaedah-kaedah dan bahan-bahan yang digunakan dalam merawat demam berdasarkan hadith dan paparan masyarakat Melayu di dalam manuskrip yang telah dipilih. Kajian penulis juga berusaha untuk melengkapkan lagi data mengenai perbahasan terhadap penyakit demam berdasarkan manuskrip MSS 2502 yang mencakupi aspek-aspek manuskrip perubatan juga.

## 2. Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Dari Naskhah-Naskhah Lama<sup>16</sup>

---

<sup>16</sup> Harun Mat Piah. 2015. "Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Dari Naskhah-Naskhah Lama". *International Journal Of The Malay World And Civilization (IMAN)*. Vol. 3. No. 3. h. 3-17.

Kajian yang dibuat oleh Harun Mat Piah yang bertajuk *Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Dari Naskhah-Naskhah Lama*. Antara kelebihan penulisan makalah ini adalah berkaitan penggunaan herba, malah turut diterangkan berkenaan jenis-jenis ilmu yang terdapat hasil dari tinggalan manuskrip Melayu serta sifat-sifat beberapa naskhah perubatan seperti saiz tulisan, gaya penulisan dan ada beberapa manuskrip yang dinyatakan penulisnya. Selain membicarakan mengenai jenis penyakit dan kaedah merawatnya dinyatakan juga nama jenis-jenis herba dan tumbuhan yang digunakan untuk merawat penyakit tertentu serta penggunaannya dalam kaedah sukatan dan timbangan.<sup>17</sup> Kajian beliau agak menyeluruh menceritakan berkenaan setiap jenis penyakit berserta kaedah rawatan tertentu yang digunakan. Walaubagaimanapun, kajian beliau ini tidak menfokuskan perbincangan mengenai rawatan penyakit demam. Oleh itu, kajian penulis ini akan melengkapkan lagi data yang menjurus kepada kaedah rawatan dan penggunaan ramuan-ramuan dalam merawat penyakit demam berdasarkan manuskrip perubatan yang dikaji penulis.

### 3. Khasiat Herba Dalam Kitab Tib Melayu<sup>18</sup>

Artikel *Khasiat Herba Dalam Kitab Tib Melayu* ini berkisarkan tentang penulisan dalam mengenal pasti jenis herba yang dinyatakan dalam Kitab Tib MS 174 yang mencerminkan kearifan masyarakat Melayu. Seterusnya, artikel ini juga menjelaskan khasiat dan beberapa kaedah penggunaan herba dalam merawat penyakit yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah filologi yang melibatkan proses transliterasi teks daripada tulisan Jawi ke tulisan rumi. Seterusnya analisis kandungan teks dilakukan bagi melihat beberapa jenis herba, khasiat

---

<sup>17</sup> Harun Mat Piah. 2015. Op.cit. h. 3-17.

<sup>18</sup> Siti Fatimah Abd Aziz & Yusmilayati Yunos. 2019. Akademika 89 (Isu Khas/Special Issue), 2019: h. 151-162.

dan kaedah bagi rawatan penyakit tertentu. Dapatan dari penulisan ini menunjukkan antara herba yang digunakan untuk merawat penyakit tertentu termasuklah akar melur putih, halia, bawang merah, lada hitam, pokok manjakani dan buah pala. Dan herba yang khusus dalam merawat demam adalah daun sepulih, sirih, bawang putih dan limau purut. Penulisan artikel ini menjadi rujukan penulis berkenaan beberapa herba yang disebutkan, dan kajian penulis akan memfokuskan lagi kepada jenis-jenis herba yang disebut di dalam manuskrip MSS 2502 serta penggunaannya dalam merawat penyakit demam sahaja.

#### 4. Amalan Diagnosis Dalam Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Tib<sup>19</sup>

Artikel *Amalan Diagnosis Dalam Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Tib* ini berkisarkan tentang penulisan amalan-amalan yang dilakukan dalam perubatan Melayu bagi mendiagnosis sesuatu penyakit yang dihadapi oleh seseorang pesakit berdasarkan maklumat yang terkandung dalam kitab tib. Artikel ini memfokuskan kepada enam buah kitab tib yang telah ditransliterasikan kepada tulisan rumi iaitu Bustan al-Salatin, Kitab al-Rahmah Fi Tib Wal Hikmah, Kitab Tayyib al-Ihsan Fi Tib al-Insan, Kitab Khazinat al-Insan, Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu dan Kitab Tib Muzium Terengganu. Seterusnya, analisis kandungan artikel ini memberikan tumpuan kepada empat aspek iaitu (i) amalan diagnosis yang digunakan dalam setiap kitab tib yang telah dipilih, (ii) unsur-unsur yang mempengaruhi diagnosis berdasarkan setiap kitab tib tersebut, (iii) kaedah diagnosis utama yang diutarakan berdasarkan setiap kitab tib tersebut dan (vi) hasil dapatan utama. Penulisan artikel ini menjadi rujukan penulis berkenaan bagaimana masyarakat Melayu dahulu mendiagnosis dan menangani penyakit.

---

<sup>19</sup> Fairuzah Mat Salleh et al. 2020. *Amalan Diagnosis Dalam Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Tib*. UMRAN –International Journal of Islamic and Civilizational Studies. vol. 6, no.3-2. h. 01 -11.



## ***Tema Kedua: Tumbuhan Ubatan Dan Herba Tradisional Melayu***

### **1. Traditional Malay Medicinal Plants**<sup>20</sup>

***Traditional Malay Medicinal Plants*** yang dikarang oleh Muhamad bin Zakaria dan Mustafa Ali Mohd telah membahaskan secara terperinci berkenaan tumbuh-tumbuhan perubatan yang digunakan oleh orang Melayu. Keberkesanan terhadap rawatan menggunakan tumbuh-tumbuhan telah di dokumentasikan secara saintifik bagi memudahkan dan memberi kefahaman kepada masyarakat moden pada hari ini bahawa penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam perubatan dapat mengurangkan berbagai risiko kesihatan yang lain. Ini kerana masyarakat Melayu terdahulu mempercayai bahawa amalan penjagaan kesihatan menggunakan herba mahupun tumbuhan berubat ini lebih terjamin rawatannya dari segi kesembuhan dan kesan-kesan sampingan yang lain. Buku ini membahaskan berkenaan perubatan tradisional seperti tumbuhan yang digunakan dalam bidang perubatan di Malaysia, hubungan di antara perubatan tradisi dan perubatan moden serta panduan untuk kita mengumpulkan tumbuhan-tumbuhan perubatan ini dari segi aspek pemilihan dan kegunaan daun sesuatu tumbuhan, kegunaan akar, khasiat bunga serta buah yang terdapat pada tumbuhan tersebut. Sebahagian besar dari perubatan tradisional dan moden adalah berasal dan berkongsi unsur-unsur yang sama seperti daripada tumbuhan, haiwan, mikro-organisma atau sumber-sumber mineral yang lain. Selain itu, buku ini juga ada menyatakan 119 jenis tumbuhan ubat yang terdapat di Malaysia yang mana setiap satu telah di kelaskan mengikut spesies masing-masing. Sumber-sumber semulajadi ini boleh didapati di darat mahupun lautan tetapi, apa yang membezakan kedua perubatan ini ialah cara penggunaannya iaitu

---

<sup>20</sup> Muhammad Bin Zakaria & Mustafa Ali Mohd. 1988. *Traditional Malay Medicinal Plants*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.



perubatan tradisional kebanyakan bahan-bahan tumbuhan atau herba itu dimakan atau digunakan terus tanpa sebarang pemprosesan yang rumit dan mengekalkan keaslian tanpa menghilangkan khasiat tumbuhan tersebut manakala perubatan moden memerlukan kepada kajian terperinci terlebih dahulu untuk mengetahui setiap unsur yang terdapat di dalam tumbuhan tersebut dalam merawat sesuatu penyakit, kemudian barulah diproses dan di gunakan di dalam ubat-ubatan seperti yang dimuatkan di dalam pil atau kapsul ubat dan lain-lain. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak menyebut secara terperinci kaedah yang digunakan dalam merawat sesuatu penyakit berkaitan dengan menggunakan herba atau tumbuhan yang dicatatkan di dalam manuskrip. Oleh itu, kajian penulis akan mengkategorikan jenis-jenis herba yang terdapat di dalam manuskrip dan masih digunakan sehingga hari ini untuk merawat penyakit berserta kaedah-kaedah yang telah dicatatkan.

## 2. 202 Khasiat Herba<sup>21</sup>

Selain itu, terdapat juga beberapa buku yang berkaitan dengan tajuk kajian penulis antaranya ialah **202 Khasiat Herba**. Kajian ini berkaitan dengan kajian tanaman herba yang kebanyakannya boleh didapati serta ditanam di perkarangan rumah masyarakat Melayu yang mana sering digunakan dalam masakan. Ia menerangkan tentang khasiat herba dan tumbuhan ubat seperti gelenggang, kunyit dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menjurus terhadap pengkhususan penggunaan herba dalam merawat demam, maka kajian penulis akan memenuhi kehendak tersebut bagi mengenalpasti herba-herba yang digunakan dalam merawat penyakit demam.

---

<sup>21</sup> Sabda S. 2013. *202 Khasiat Herba*. Selangor: Grup Buku Karangraf Sdn Bhd.

### 3. Kimia Hasil Semula Jadi dan Tumbuhan Ubatan<sup>22</sup>

Menerusi pembacaan yang dibuat, ternyata buku ini menjurus kepada kajian lengkap kumpulan sebatian hasil semulajadi tumbuhan seperti alkaloid, flavonoid, terpena, steroid, kuinon dan lain-lain. Ini adalah kajian sains dalam mengenalpasti sebatian kimia yang terdapat di dalam tumbuhan. Selain itu, terdapat satu bab khas yang menyentuh tentang ubatan tradisional dan tumbuhan ubat dimana pengarang ada menyatakan berkenaan sejarah penggunaan ubatan tradisional serta kaedah-kaedah penggunaan setiap tumbuhan berubat ini, yang mana secara tidak langsung ada dinyatakan didalam manuskrip perubatan khasnya. Secara keseluruhannya, buku ini dapat membantu penulis untuk memahami dengan lebih baik tentang satu daripada skop kajian penulis. Walaubagaimanapun, kajian beliau tidak membahaskan berkenaan khasiat tumbuhan dalam merawat penyakit demam seperti yang dicatatkan di dalam manuskrip. Ini kerana berdasarkan kajian penulis di antara ramuan-ramuan yang digunakan dalam merawat penyakit demam ini antaranya adalah daripada tumbuhan. Bahkan apa yang bakal penulis paparkan dalam kajian ini nanti bukanlah sekadar mitos perubatan masyarakat Melayu terdahulu yang ternyata bukan dalam era modenisasi ini, akan tetapi dari pelbagai sudut kesihatan umpamanya dalam menyembuhkan penyakit demam yang telah dinyatakan di dalam perubatan orang Melayu terdahulu.

### 4. Herba Berpotensi di Malaysia<sup>23</sup>

Kajian melibatkan herba dan tumbuhan ini telah banyak dilakukan. Misalnya, Nasnan Jajuli dalam bukunya yang bertajuk *Herba Berpotensi Di Malaysia*. Buku ini

---

<sup>22</sup> Fasihuddin Ahmad & Hasmah Raji. 1993. Ubatan Tradisional dan Tumbuhan Berubat. *Kimia Hasil Semula Jadi dan Tumbuhan Ubatan*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia. h. 139-200.

<sup>23</sup> Nasnan Jajuli. 2013. *Herba Berpotensi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

merupakan kajian yang dilakukan oleh beliau tentang tumbuhan herba yang ada di Malaysia memandangkan tidak ramai yang mengetahui khasiat tumbuhan herba berikutan zaman yang sudah maju dengan perubatan sains. Kajian tersebut diperkenalkan berkenaan dengan jenis herba, ciri fizikal tumbuhan, habitat, kaedah penanaman, penggunaan tumbuhan herba dalam merawat penyakit dan khasiatnya. Ia juga merupakan satu alternatif untuk penulis memilih jenis herba untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Selain itu, buku ini juga dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap tumbuhan ubatan dan herba kerana selain daripada merawat penyakit ia juga boleh dikomersialkan dan diangkat ke peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, penulisan beliau juga menyatakan tentang manfaat dari penggunaan herba untuk rawatan dan penjagaan kesihatan serta memberi pendedahan mengenai aspek serta cara penggunaan tumbuhan herba untuk rawatan penyakit tertentu. Walau bagaimanapun, penulisan beliau tidak memperbahaskan secara mendalam mengenai pengkhususan sesuatu herba yang digunakan dalam merawat penyakit demam. Oleh itu, kajian penulis akan memfokuskan kepada khasiat tumbuhan dan ramuan-ramuan lain seperti yang disebut di dalam manuskrip serta penggunaannya dalam merawat penyakit demam.

***Tema Ketiga: Herba Dan Tumbuhan Yang Disebut Di Dalam Manuskrip***

**Pandangan Dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu<sup>24</sup>**

Penulisan Abdul Ghani Hussain pula telah mengkaji dan membicarakan dengan panjang lebar tentang herba ubatan di dalam ***Pandangan Dan Tafsiran Perubatan Moden***

---

<sup>24</sup> Abdul Ghani Hussain. 2015. *MSS 2999 Kitab Tib Pandangan Dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu*. Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

*Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu* berdasarkan manuskrip MSS 2999 Kitab Tib. Menerusi penulisan ini, beliau telah memfokuskan penulisannya kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian transliterasi manuskrip MSS 2999, bahagian preskripsi dan bahagian seterusnya ialah materia medika. Antara kelebihan buku ini ialah beliau telah mengkaji dan mengelaskan terlebih dahulu herba-herba mengikut bahagian-bahagian tertentu dalam merawat penyakit. Setiap herba yang dicatatkan telah dikelaskan dan dijadualkan mengikut keistimewaan masing-masing. Kajian beliau agak menyeluruh menceritakan mengenai setiap penyakit yang disebut di dalam manuskrip MSS 2999 malahan beliau juga telah menjalankan analisis terhadap setiap herba yang digunakan. Walau bagaimanapun, tidak terdapat herba yang dikelaskan bagi merawat penyakit demam. Maka, kajian penulis akan memperincikan lagi jenis tumbuhan dan herba dari kalangan keluarga *Zingiberaceae* dalam merawat penyakit serta kaedah yang digunakan seperti yang telah dicatatkan di dalam manuskrip kajian penulis.

***Tema Keempat: Penggunaan Herba Dalam Merawat Demam Denggi dan Demam Kepialu***

**1. Manuskrip Sebagai Wadah Ilmu: Ilmu Perubatan<sup>25</sup>**

Penulis juga ada merujuk kepada kertas kerja pembentangan yang ditulis oleh Dr. Harun Mat Piah berkenaan ilmu perubatan yang bertajuk ***Manuskrip Sebagai Wadah Ilmu: Ilmu Perubatan***. Penulisan beliau secara keseluruhannya mengenai penyakit demam kepialu dan merupakan sebahagian dari kajian penulis juga. Penulis merasakan perlu

---

<sup>25</sup> Harun Mat Piah. 2006. "Manuskrip Sebagai Wadah Ilmu: Ilmu Perubatan". *Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. h. 58.



untuk merujuk kepada hasil penulisan tersebut kerana padanya juga ada dijelaskan tentang pelbagai aspek perubatan demam kepialu secara umum berdasarkan manuskrip MSS 2515 yang merangkumi asal-usul penyakit, sebab penyakit, jenis kepialu dan ubatnya, kaedah rawatan yang digunakan serta pantang larang bagi pesakit kepialu. Kajian beliau amat berguna bagi penulis kerana memberi gambaran awal berkaitan data-data dan elemen-elemen yang diperlukan untuk memberi gambaran yang jelas berkenaan rawatan demam. Berdasarkan kajian beliau ini, penulis dapati tidak ada dinyatakan khasiat terhadap setiap jenis ramuan yang digunakan bagi merawat penyakit demam. Demam yang dikelaskan berdasarkan kajian ini adalah demam kepialu dan kajian penulis juga adalah berkaitan demam secara umumnya. Jadi berdasarkan kertas kerja ini, penulis dapat mengenalpasti jenis demam yang bersamaan dengan catatan demam di dalam manuskrip MSS 2502. Maka, kajian penulis ini akan mengutamakan penelitian berkenaan ramuan dan khasiat penggunaan tumbuhan yang tersebut di dalam manuskrip untuk menyembuhkan penyakit demam sesuai dengan penerimaan masyarakat pada hari ini.

## 2. Herbal Treatment and Home Remedies of Dengue<sup>26</sup>

Di samping itu, artikel ini juga menjelaskan tentang herba-herba lain yang digunakan bagi rawatan denggi. Antaranya ialah daun betik, halia serta kunyit yang memang terdapat di bahagian rumah kita. Khasiat buah betik yang kaya dengan vitamin C telah menjadi pengetahuan umum bagi masyarakat Melayu. Daun betik juga sangat berkhasiat dan mempunyai banyak kegunaan dalam perubatan tradisional. Antaranya ialah dalam merawat demam denggi, namun ramai yang tidak tahu mengenai khasiat

---

<sup>26</sup> Farya Zafar et al. 2015. "Herbal Treatment and Home Remedies of Dengue". *University of Karachi*. Vol. 3. No. 2. Disember. h. 24-30.



dan kegunaan daun betik. Artikel ini tidak begitu menyeluruh kerana hanya membincangkan berkenaan khasiat tumbuhan tersebut sahaja tanpa menyatakan sebarang kaedah yang perlu digunakan dalam rawatan demam. Oleh itu, kajian penulis akan lebih meneliti kepada kaedah rawatan dan artikel ini juga dijadikan sebagai rujukan penulis.

## **1.7 METODE KAJIAN**

Berdasarkan objektif yang digariskan, kajian ini menggunakan metode kualitatif yang mengaplikasikan metode pengumpulan data dan metode analisis data berdasarkan data yang terwujud secara berteks, sebaliknya bukan data berasaskan angka atau statistik. Maka dari aspek penyelidikan, terdapat beberapa metode yang bersesuaian akan diguna pakai seperti metode kajian kepustakaan, metode transliterasi teks, metode penelitian filologi, analisis kandungan, serta metode induktif dan deduktif.

### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini, penulis menggunakan metode kajian kepustakaan, metode transliterasi teks dan metode penelitian filologi untuk pengumpulan, pengenalpastian dan mengeksplorasi teks manuskrip perubatan MSS 2502 dan bahan-bahan berkaitan bagi memperoleh sumber maklumat yang berwibawa untuk tujuan pengkajian.

- i. Metode Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan adalah usaha yang dilakukan oleh penulis untuk menghimpun bahan dan maklumat serta meneliti data bagi mendapatkan idea permasalahan kajian. Metode ini juga diaplikasikan dengan merujuk kepada buku-buku, artikel-artikel dan bahan bertulis sama ada maklumat dari sumber primer seperti teks Melayu lama (manuskrip) dan sumber sekunder seperti buku yang diterbitkan, jurnal, disertasi, tesis dan seumpamanya. Rujukan ini terdiri daripada bahasa Inggeris, bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia. Ia dapat dikelaskan kepada tiga klasifikasi iaitu:

a) Sumber Primer:

Meliputi buku yang berkait langsung dengan topik kajian ini iaitu berupa manuskrip perubatan MSS 2502.

b) Sumber Sekunder:

Penulis menggunakan kaedah ini dengan membaca dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah kajian.<sup>27</sup> Terdapat beberapa sumber rujukan yang penting dan memberikan bantuan yang besar kepada penulis dalam menyusun dan merangka disertasi ini yang melibatkan manuskrip melayu, misalnya *Traditional Malay Medicinal Plants* oleh Muhamad Zakaria, MSS 2999 *Kitab Tib Pandangan Dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Perubatan Melayu* oleh Abdul Ghani

---

<sup>27</sup> Nurulwahidah Fauzi. 2012. *Ulama Arab Hadhrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed 'Abd Qadir bin Muhsin al-'Attas dan Syed 'Alwi b. Tahir al-Haddad*. (PhD Tesis). Universiti Malaya. h. 27.

Hussain, Penyakit Golongan Wanita: Kategori Penyakit Dan Kaedah Rawatan Saintifik Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Melayu oleh Ab. Razak Ab. Karim dan Perubatan Melayu Tradisional Di Tanah Melayu Berdasarkan Beberapa Manuskrip Terpilih oleh Arba'iyah Mohd Noor.

Selain itu, terdapat buku, tesis dan artikel jurnal yang mempunyai peranan penting dalam menghasilkan dan mencorakkan kajian ini seperti Ilmu Perubatan Melayu Tradisional Dari Naskhah-Naskhah Lama dan Kitab Tib Muzium Terengganu: Edisi Dan Huraian Teks oleh Harun Mat Piah, Tumbuhan dan Perubatan Tradisional oleh Muhammad bin Zakaria, Amalan Diagnosis Dalam Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Tib oleh Fairuzah Mat Salleh (et al.), Tasawur Perubatan Melayu Berdasarkan Kitab Perubatan Melayu oleh Mohd Qayyum Kamrudin (et al.) dan Penyakit Tropika Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1914: Tumpuan Kepada Penyakit Beri-Beri, Malaria Dan Penyakit Usus oleh Noraini Mohamed Hassan.

Melalui pendekatan kajian kepustakaan ini, penulis berusaha mengenal pasti ramuan ubat-ubatan dan beberapa perkataan yang tidak diketahui maknanya. Dalam usaha mengenal pasti ramuan ubat-ubatan pula, penulis menggunakan beberapa sumber. Sumber paling utama ialah Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Jika gagal mencari sebarang maklumat di dalam kamus tersebut, barulah penulis merujuk kepada Kitab Tibb: Ilmu Perubatan Melayu oleh Harun Mat Piah. Maklumat yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan dikumpulkan dan digunakan sebagai panduan dan bahan rujukan untuk memahami dengan

lebih mendalam tentang permasalahan yang dikaji. Bagi tujuan ini juga, penulis telah memperoleh bahan rujukan di kebanyakan perpustakaan yang ada untuk mendapatkan maklumat, data dan bahan dari sumber primer dan sekunder bagi menyempurnakan disertasi ini. Berikut merupakan antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan kepada penulis iaitu Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Alam Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Umum Universiti Sains Islam Malaysia serta institusi lain yang berkaitan secara fizikal dan atas talian mengikut kesesuaian. Selain itu, majalah dan laman sesawang yang berkaitan secara tidak langsung dengan kajian ini juga di jadikan bahan bacaan pelengkap. Kaedah ini bertujuan untuk mengukuhkan dan melengkapkan maklumat yang berkaitan dengan ilmu perubatan masyarakat Melayu misalnya yang menyentuh aspek kepercayaan, dan amalan dalam perubatan Melayu itu sendiri.

Penulisan ini menggunakan manuskrip MSS 2502 yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Setiap tulisan pada setiap halaman sangat teratur dan konsisten. Sebagai data kajian manuskrip ini mengandungi 84 halaman bertulis dan purata setiap halaman mengandungi 19 baris untuk setiap halaman. Dakwat yang telah digunakan di dalam kitab ini berwarna hitam. Ada juga yang menggunakan dakwat berwarna merah untuk menandakan sebagai permulaan ayat. Contohnya dakwat berwarna merah pada perkataan “sebagailagi”, “fasal peri pada menyatakan”, “fasal pada menyatakan”, “fadhilat pada menyatakan”, “bermula” dan “sebermula”. Terdapat



sebahagian perkataan tidak dapat dibaca dan di analisis dengan jelas akibat penulisannya hilang dan pudar. Bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu dan menggunakan tulisan Jawi lama dan diselitkan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa tertentu bagi tujuan perubatan. Selain itu, terdapat juga kaedah rawatan yang menggunakan tangkal dan azimat, serta wafaq dalam rawatan tertentu. Kajian ini tidak berbentuk penyuntingan teks atau melihat teks yang asli tetapi meneroka isi kandungan teks bagi tujuan analisis kandungan.

ii. Metode Transliterasi Teks

Metode transliterasi teks adalah satu proses mengalih tulisan iaitu daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi. Ini adalah salah satu usaha penulis untuk memahami, meneliti dan menganalisis maklumat yang terdapat pada catatan manuskrip MSS 2502. Melalui penelitian penulis, ejaan yang digunakan dalam manuskrip ini adalah ejaan lama dan tanpa tanda baca dan perenggan. Oleh itu, metode ini diperlukan yang mana ia membantu penulis dalam proses menyiapkan data.

iii. Metode Penelitian Filologi

Metode penelitian filologi diaplikasikan dalam kajian ini bagi menghasilkan idea dan edisi kritis teks manuskrip perubatan MSS 2502 mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan. Proses metode penelitian filologi ini adalah melalui pengumpulan data, deskripsi teks, transliterasi dan pembahasan secara literatur serta penelitian teks manuskrip MSS 2502 bagi mendapatkan sumber-sumber yang berkaitan dalam memahami manuskrip ini.



### 1.7.2 Metode Analisis Data

Setelah memperolehi data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, penulis akan menganalisis data secara terarah melalui pengaplikasian metode analisis kandungan serta metode deduktif dan induktif.

i. Metode Analisis Kandungan

Pendekatan ini merujuk kepada analisis yang dilakukan ke atas sesuatu bahan untuk mendapat gambaran tentang masyarakat pada masa lampau. Dalam konteks kajian ini, metode ini dilaksanakan bagi mengenalpasti dan menganalisis isu-isu berkaitan penyakit demam dan kaedah rawatan yang ditawarkan. Kandungan manuskrip MSS 2502 dianalisis untuk mendapat gambaran mengenai kewujudan kaedah perubatan bagi orang Melayu. Adakah mereka mempunyai cara rawatan yang sistematik? Adakah ramuan yang digunakan sama atau berbeza untuk setiap penyakit? Apakah teras yang membentuk cara rawatan mereka? Adakah cara perubatan mereka terikat dengan unsur tempatan, budaya dan rohani mereka?

ii. Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan cara untuk membina satu teori atau merumuskan suatu gagasan pemikiran tentang fenomena yang dikaji. Oleh itu, penulis menganalisa data berkaitan manuskrip MSS 2502 dengan menggunakan kaedah klasifikasi data-data tersebut untuk menghasilkan data yang lebih berbentuk khusus dari aspek penyakit

demam yang tercatat dalam manuskrip MSS 2502, kaedah rawatan dan materia medika yang digunakan.

iii. Metode Induktif

Metod induktif merupakan kaedah menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari yang bersifat khusus kepada umum. Ia boleh digunakan dengan cara menumpukan beberapa istilah yang digunakan untuk menerangkan maksud dan intipati istilah tersebut seterusnya membuat kesimpulan umum. Metode ini membantu penulis dalam merangka dan menyusun maklumat dalam bab kedua, dan bab ketiga dari aspek menilai dan menganalisis maklumat mengenai istilah jenis-jenis penyakit demam yang disebutkan di dalam manuskrip MSS 2502.